

25/04/2000

500 juta unit saham Amanah Saham Malaysia dijual

KUALA LUMPUR, Isnin - Amanah Saham Malaysia (ASM), saham amanah terbaru diuruskan Permodalan Nasional Bhd (PNB) mendapat sambutan menggalakkan apabila 500 juta unit daripada dana berjumlah dua bilion bernilai RM0.5 bilion berjaya dijual dalam masa tiga hari.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Hamad Kama Piah Che Othman, berkata sejak dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lalu, sejumlah 78,000 pelabur baru mendaftar untuk mendapatkan saham amanah yang terbuka kepada semua kaum itu.

"Berdasarkan sambutan menggalakkan ini, PNB yakin dana ini akan dihabiskan dalam masa lebih cepat," katanya selepas majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia anjuran PNB dan Persekutuan Pengurus Dana Amanah Malaysia (FMUTM) di sini, hari ini.

Majlis penutup disempurnakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hamad Kama Piah berkata, kelebihan ASM adalah kerana dana ini boleh dibeli sejak seseorang itu berusia enam bulan dan sesuai sebagai pelaburan jangka masa panjang.

Prestasi awal ASM katanya, adalah yang terbaik berbanding saham amanah lain yang diuruskan PNB.

Amanah Saham Nasional (ASN) yang dilancarkan pada awal 1980-an mencatatkan jualan RM600 juta setahun selepas dilancarkan manakala Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) mencatatkan jualan RM1.8 bilion dalam masa tiga tahun.

Mengenai Minggu Saham Amanah Malaysia yang berakhir hari ini, beliau berkata, minggu berkenaan berjaya mencapai objektifnya untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada orang ramai mengenai industri saham amanah tempatan.

"Sejumlah 60,000 pengunjung mengunjungi pameran kali ini dan menepati sasaran awal kami iaitu 30,000 hingga 60,000 orang," katanya.

Beliau berkata, PNB juga berhasrat mengadakan promosi ASM pada peringkat negeri bermula di Pulau Pinang pada 28 April ini bagi meningkatkan jumlah pelabur.

Selain itu, PNB katanya akan mempelbagaikan produk saham amanahnya bagi memenuhi permintaan pasaran semasa.

ASM adalah dana terbaru dilancarkan PNB untuk semua rakyat Malaysia berumur enam bulan ke atas. Saham amanah berharga tetap itu ditawarkan pada harga RM1.

Seseorang pelabur boleh melabur sehingga maksimum 50,000 unit dengan pelaburan permulaan 100 unit.

ASM adalah saham amanah kedua diuruskan PNB yang dibuka kepada semua kaum.

(END)